

Bilangan kakitangan awam tidak akan dikurangkan: PM

➔ Saiz kementerian dikecilkan, dipindah ikut kesesuaian agensi termasuk sektor swasta

Oleh Manirajan Ramasamy, Mohd Anwar Patho, Azura Abas, Mohd Husni Mohd Noor, Irwan Shafrizan Ismail dan Fairuz Mohd Shahar
cnews@nstp.com.my

► Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan tidak akan mengurangkan bilangan kakitangan awam walaupun bakal berlaku pengecilan saiz kementerian.

Perdana Menteri berkata, mana-mana penjawat awam yang bakal terbabit dengan pengecilan saiz kementerian akan dipindahkan mengikut kesesuaian agensi termasuk ke sektor swasta.

Beliau turut membayangkan Jabatan Perdana Menteri akan terbabit dalam penstrukturan semula itu.

“Penjawat awam di kementerian yang terbabit dengan penstrukturan semula akan dipindahkan ke jabatan dan agensi tertentu me-



Kita tidak akan gugurkan mereka (penjawat awam) selepas mereka bekerja sekian lama dengan kerajaan. Kita akan cari kaedah untuk tempatkan mereka ini di jabatan dan juga agensi lain”

Dr Mahathir Mohamad
Perdana Menteri

ngikut kesesuaian bagi mengelak mereka hilang pekerjaan.

“Kita tidak akan gugurkan mereka (penjawat awam) selepas mereka bekerja sekian lama dengan kerajaan. Kita akan cari kaedah untuk tempatkan mereka ini di jabatan dan juga agensi lain.

“Dahulu kita swastakan Telekom (Jabatan Telekom Malaysia kepada Telekom Malaysia Berhad), selepas itu pekerja di bawahnya juga masih berkhidmat dengan agensi itu,” katanya pada sidang media khas di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Kaji semula TN50, NBOS

Perdana Menteri juga berkata, semua dasar kerajaan terdahulu termasuk Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) akan dikaji semula.

“Semua dasar lama akan dikaji semula,” katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri memulakan mesyuarat pertama ber-

sama pegawai kanan kerajaan dengan mempengerusikan mesyuarat peringkat tertinggi pegawai kanan perkhidmatan awam.

Mesyuarat berkaitan pelaksanaan 10 janji 100 hari itu yang dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, semua ketua setiausaha dan ketua pengarah kementerian.

Sebelum mesyuarat itu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan empat mata dengan Ali.

Dr Mahathir berkata, perjumpaan dengan Ali bagi mengetahui kemajuan arahan yang sudah diberikan.

“Perjumpaan mengenai susunan kerajaan dan tindakan yang perlu diambil kepada beberapa pegawai, ini akan dilakukan secara tersusun dan mengikut undang-undang,” katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir dilaporkan berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan semua ketua setiausaha kementerian untuk menjelaskan fungsi dan peranan kerajaan baharu.